

Jangan sampai bumi dipijak milik orang

SIKAP segelintir pemaju perumahan yang lebih berminat untuk membina rumah harga mahal untuk mengaut keuntungan besar seperti yang ditegur oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah baru-baru ini wajar dijadikan iktibar dan membuka mata semua pihak. Akibat perbuatan mementingkan diri dan ketamakan golongan pemaju hartanah seperti ini menyebabkan kebanyakan rumah yang dibina pada hari ini menjadikan ia hanya rumah yang mampu dilihat sahaja dan bukannya rumah yang mampu dimiliki oleh majoriti rakyat kita.

Hakikatnya, isu harga rumah yang terus melambung naik dan terlalu mahal bukanlah suatu isu baru di negara ini. Kini, isu harga rumah terus diperdebatkan dalam pelbagai forum dan platform kerana keadaan dilihat cukup serius dan kritikal. Hal ini kerana rumah adalah keperluan asas rakyat maka isu perumahan rakyat cukup mudah menarik perhatian semua pihak.

Tatkala kos sara hidup semakin meningkat, harga barangan melambung tinggi dan keadaan ekonomi cukup tidak menentu, impian dan harapan rakyat kita terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya yang hidup di bandar dan lebih dikenali sebagai golongan miskin bandar untuk memiliki sebuah rumah sendiri dilihat semakin sukar umpama mengejar bayang-bayang yang tidak mungkin dicapai. Ini menyebabkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana ini semakin terdesak dan terseksa untuk memiliki sebuah rumah dengan harga yang mampu milik.

Dalam hal ini apa yang buat kita lebih geram dan marah adalah seolah-olah wujud sindiket dan perancangan yang sistematik dalam kalangan pemaju yang tamak ini untuk menafikan hak warga tempatan memiliki rumah. Mereka dilihat sengaja membina rumah yang mahal yang jelas tidak mampu dibeli oleh warga tempatan sekali gus membuka peluang untuk hartawan bukan warganegara untuk membelinya. Ini yang ditegur oleh Sultan Nazrin jangan kerana kepentingan dan keuntungan perniagaan warga kehilangan hak di buminya sendiri. Yang akhirnya dikhuatiri akan membawa kepada penjajahan baharu dengan cara instrumen pemilikan hartanah.

Justeru timbul persoalan apakah kita mahu biarkan perkara ini berterusan sebegini? Sampai bila rakyat kurang berkemampuan terus ditindas dan dinafikan hak di negara sendiri oleh golongan pemaju yang tamak dan buta hati? Lebih dahsyat lagi apakah kita mahu biarkan bumi



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

yang dipijak ini dijajah kembali?

Sudah pastinya, kita tidak mahu perkara ini berterusan. Kita tidak mahu ini terus menjadi kudis dan luka yang sukar diubati. Perlu diingat walaupun kerajaan mengenakan pelbagai syarat dan peraturan untuk menghalang pemaju mengambil kesempatan, ternyata pemaju juga semakin licik dan bijak memanipulasi keadaan dan terus mengaburi mata semua pihak sehingga rakyat terus merana.

Ada dua perkara yang perlu diberi perhatian iaitu keperluan untuk memastikan pemaju membina rumah mampu milik secara realistik dan nyata dan kedua, perlunya dikenakan tindakan tegas untuk menghalang usaha terancang pihak tertentu yang sengaja ingin menjual rumah mahupun hartanah kepada orang luar demi keuntungan yang akhirnya boleh membawa kepada krisis keselamatan dan penjajahan.

Bagi isu pertama, ternyata apa yang sedang berlaku cukup serius. Harga rumah memang naik melambung dan di luar kemampuan majoriti rakyat kita. Ini membawa kepada pelbagai masalah sosial kerana sekali lagi rumah adalah keperluan asas semua orang. Persoalan yang masih sukar dirungkai adalah kenapa pihak berkuasa masih tidak dapat mengekang kenaikan harga yang tidak masuk akal seperti ini

HARGA rumah yang semakin meningkat menjadi halangan utama kepada orang ramai untuk memiliki rumah sendiri.

- GAMBAR HIASAN

serta mengawal harga rumah yang juga adalah keperluan asas sama seperti kita mampu mengawal harga siling barangan keperluan asas yang lain.

Perlu diingat walaupun projek pembinaan rumah berlaku atas nama perniagaan namun ia tetap perlu dikawal kerana membabitkan kebajikan rakyat. Perlu ada mekanisme yang lebih efisien dan sistematik agar kerajaan boleh memastikan semua pemaju mematuhi kehendak dan peraturan pembinaan rumah mampu milik. Ini adalah tanggungjawab sosial kerajaan kepada rakyat.

Misalnya, pastikan dalam setiap projek perumahan disediakan kuota khas dan sejumlah rumah mampu milik. Walaupun peraturan ini sudah mula dilaksanakan di beberapa negeri namun ia masih belum menyeluruh dan perlu dipastikan pihak pemaju benar-benar mematuhi peraturan tersebut.

Hakikatnya, apa yang berlaku sekarang ialah pemaju semakin tamak dan berani sekali gus menaikkan harga rumah sesuka hati. Ini menyebabkan rakyat terpaksa membuat andaian bahawa kerajaan seolah-olah tidak dapat mengawal pemaju. Kita tidak menafikan segala inisiatif kerajaan untuk membina rumah mampu milik seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) namun ia masih tidak mencukupi. Syarat yang lebih ketat perlu dikenakan kepada pihak pemaju dalam setiap projek perumahan agar mereka tidak sewenang-wenangnya menetapkan harga sesuka hati.

Perkara kedua pula kelihatan

lebih merisaukan kita sekarang. Senario semakin ramai orang luar memiliki hartanah kita boleh membuat kita semakin dekat untuk dijajah kembali. Perkara ini tidak mustahil berlaku jika kita tidak mengawalinya dari sekarang. Jangan esok sudah kecurian baru hendak mengunci pintu. Untuk itu penulis ingin mencadangkan agar pihak berkuasa segera mengaudit data pemilikan hartanah oleh orang luar.

Kita yakin andai tidak berlaku sebarang manipulasi dan penyembunyian maklumat status pemilikan hartanah oleh orang luar, data yang bakal diperoleh hasil audit itu kemungkinan besar akan mengejutkan kita semua. Justeru eloklah kita bersedia untuk mengetatkan lagi peraturan pemilikan hartanah oleh orang luar yang sedia ada. Prinsip penting di sini ialah rakyat tempatan perlu diberi keutamaan untuk membeli rumah manakala perlu ada sistem kuota maksimum yang jelas untuk warga luar membeli hartanah kita.

Rumah adalah keperluan asas. Kedaulatan negara pula adalah tanggungjawab kita bersama. Justeru kita berharap semua pihak yang terlibat melihat isu ini sebagai suatu perkara yang serius dan sama-sama kita berganding bahu untuk memastikan rakyat kita dapat membeli rumah yang mampu dimiliki dan juga mengekang serta menghalang segala usaha penjajahan oleh pihak luar.

Baik kita beringat sebelum nasi menjadi bubur.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.

